

21 OCT 2001

APEC-PASARAN

PEMBANGUNAN PASARAN EKUITI AKAN GERAK PENINGKATAN EKONOMI SERANTAU

Oleh: Mohd Kamel Othman

SHANGHAI, 21 Okt (Bernama) -- Pembangunan pasaran-pasaran ekuiti akan terus menjadi salah satu daripada enjin utama yang menggerakkan peningkatan ekonomi serantau di rantau APEC, pegawai-pegawai kanan yang menghadiri sidang kemuncak ketua-ketua pegawai eksekutif (CEO), kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), berkata hari ini.

Mereka juga bersetuju bahawa China akan menjadi salah satu daripada pusat modal antarabangsa paling penting di rantau ini, satu langkah yang boleh menawarkan banyak penghidupan kepada pembangunan ekonomi di rantau ini dalam dekad-dekad akan datang.

"Krisis ekonomi 1997 telah mendedahkan banyak masalah di dalam sistem kewangan Asia, seperti kurang permodalan, kawal seliaan yang lemah, perakaunan dan penzahiran yang tidak memadai," kata Joseph Gasper, presiden Nationwide Financial Services Inc, yang menyertai di dalam sidang kemuncak CEO itu.

Di samping itu, "serangan 11 September telah mengingatkan kita bahawa kerjasama adalah kunci dalam bidang pertumbuhan perniagaan dan ekonomi dan juga keselamatan dan jaminan antarabangsa," kata Gasper.

Berikutan contoh pasaran-pasaran ekuiti itu di Amerika Syarikat dan Eropah, kebanyakan ekonomi Asia mengalami kelembapan ekonomi yang bermula lewat tahun lalu yang juga dicerminkan di dalam pasaran ekuiti dan prestasinya kerana kebanyakan ekonomi-ekonomi ini adalah amat bergantung kepada eksport.

Ramon del Rosanrio, pengerusi dan ketua eksekutif AB Capital and Investment Corp (Filipina) berkata: "Kami sedang menghadapi pengubah suaian pengeluaran jangka panjang dalam pasaran-pasaran modal yang mungkin berakhir selama 12 hingga 24 bulan akan datang,"

Katanya pengubah suaian itu mungkin merupakan peluang bukan sahaja bagi syarikat-syarikat individu tetapi keseluruhan industri dan ekonomi-ekonomi untuk memerah kecekapan lebih besar dan akhirnya pertumbuhan lebih pesat di masa akan datang.

Katanya ekonomi-ekonomi anggota patutlah mengatasi masalah-masalah semasa itu dan bertahan dalam usaha mereka memandangkan peluang-peluang yang ditawarkan oleh ekonomi baru adalah benar.

"Saya percaya pasaran ekuiti di Asia pada masa akan datang adalah cerah dan sihat kerana semua ekonomi akan bergantung kepada pasaran modal bagi pembiayaan," kata Laura Cha, naib pengerusi Suruhajaya Kawalseliaan Sekuriti China.

Faktor paling penting yang akan mempengaruhi pasaran modal APEC ialah penilaian baru satu struktur ekonomi Asia dalam dekad akan datang, katanya.

Beliau berkata sebagai pasaran ekuiti ketiga terbesar di Asia selepas Jepun dan Hong Kong, tanah besar China akan meneruskan usaha-usahanya untuk terus memperbaharui pasaran modalnya.

Lebih daripada 500 CEO daripada syarikat-syarikat terkemuka dunia dari 21 ekonomi anggota APEC menghadiri sidang kemuncak tiga hari yang berakhir semalam.

Sidang itu juga menyaksikan antara lain Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucap tamanya. -- BERNAMA

MKO MR OS